

Headline **Cabaran Cisco 2009**  
 Date **13. May 2009**  
 Media Title **Kosmo**  
 Section **Kosmo 2**  
 Circulation **120000**  
 Readership **234000**

Language **MALAY**  
 Page No **27**  
 Article Size **305** cm2  
 Frequency **Daily**  
 Color **One Spot Color**  
 AdValue **1765.37**



PEMENANG kategori ijazah bersama Devan Parinpanayagam (Pengarah Jualan Cisco) dan Mohd. Norzi Ibrahim (Pengurus Akademi Cawangan Cisco).

## Cabaran Cisco 2009

CABARAN tahunan Cisco NetRiders Malaysia 2009 kembali dengan sambutan yang hangat di Universiti Kuala Lumpur. Pertandingan itu yang diadakan di seluruh negara dianjurkan oleh Majlis Akademi Cisco Malaysia bagi mengiktiraf penyusun rangkaian kerja yang cekap dan berbakat dari universiti-universiti utama, politeknik dan kolej-kolej komuniti.

Tahun ini, para pelajar dari Universiti Multimedia di Cyberjaya membuktikan kehebatan masing-masing apabila sekali lagi meraih kejuaraan termasuk kemenangan di tempat ketiga dalam kategori ijazah.

Tempat kedua pula jatuh kepada wakil kolej Tuanku Abdul Rahman. Terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori Ijazah dan Diploma.

Sementara itu, pemenang kategori Diploma dirangkul oleh para pelajar dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), diikuti pelajar Universiti Kuala Lumpur-MIT serta Universiti Teknikal Malaysia, Melaka.

Pertandingan itu memberi peluang kepada mahasiswa untuk mengikuti program Akademi Rangkaian Kerja Cisco berdasarkan pengetahuan di bilik kuliah kepada kemahiran praktikal.

Pada masa yang sama, ia mewujudkan sebuah platform untuk meningkatkan kemahiran yang diiktiraf dalam tenaga kerja teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Pendedahan itu dianggap satu laluan yang amat berharga tatkala landskap ekonomi semasa yang menyaksikan pasaran kerja yang semakin sengit persaingannya.

"Cisco gembira dengan penyertaan sulung PTSS dalam Cabaran Cisco NetRiders. Program Akademi Rangkaian Kerja ini direka khas untuk menghasilkan pemimpin-pemimpin ICT masa depan yang bertauliah.

"Di Cisco, kami sedar tentang kepentingan tenaga kerja yang matang bagi membantu membangunkan industri sekali gus menyambungkan kerajaan untuk melatih dan memberi kemahiran semula."

"Sejajar dengan itu, kami berharap agar lebih banyak organisasi korporat terus melabur dalam membangunkan modal insan bagi persediaan masa depan," kata Pengarah Urusan Cisco Malaysia, Anne Abraham.

Sejumlah 249 pelajar mewakili



MENGIKTIRAF penyusun rangkaian kerja yang cekap dan berbakat.

83 kumpulan dari 17 universiti, kolej dan politeknik mendaftar untuk menyertai pertandingan pada tahun ini. Tahun ini juga terbukti lebih mencabar apabila para peserta dalam kategori Ijazah dan Diploma diuji dari segi pengetahuan teori dan kemahiran praktikal.

Pertandingan ini menerima sokongan daripada pelbagai peneraju industri dan badan korporat seperti Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), MIMOS, Panduit, Pearson Vue, Global Knowledge & IMS Asia, HP dan Mesiniaga.

Juara pertandingan akan mewakili Malaysia di Cabaran Serantau Cisco NetRiders Asia Pasifik 2009 yang berlangsung pada 29 Oktober 2009.

Dalam pada itu, MDeC menerusi Program Pembangunan Keupayaan MSC Malaysia, khususnya Pembangunan Profesional CDP menyasarkan matlamat untuk menggalakkan setiap individu supaya berusaha meninjau potensi sebenar diri masing-masing.

"Kami mahu membantu memenuhi permintaan pasaran kerja semasa dengan menyediakan peluang dan persekitaran yang menyokong set kemahiran dan kecakapan bagi industri. Dalam keadaan ekonomi semasa, kami mengumumkan program memberi kemahiran semula bagi membantu pekerja yang dibuang untuk mendapatkan pekerjaan di lebih 2,000 syarikat berstatus MSC Malaysia," kata Naib Presiden, Bahagian Pembangunan Kapasiti MDeC, Ng Wan Peng.